

Terma Penggunaan Data Terbuka Kerajaan 1.0

Penggunaan data atau penggunaan semula data hendaklah mematuhi terma dan syarat seperti di bawah:-

1. Penggunaan data di bawah terma ini

Pemilik data memberi kebenaran penggunaan data tanpa sebarang caj.

2. Pengguna boleh melaksanakan perkara yang berikut:

- i. Salin, terbit, edar dan pindah data;
- ii. Adaptasi data;
- iii. Guna data secara komersial dan tidak komersial; dan
- iv. Gabung data dengan data lain atau rangkum data dalam produk atau aplikasi.

3. Sekiranya melaksanakan mana-mana daripada yang dinyatakan pada para 2, pengguna HENDAKLAH:

- i. Menyatakan sumber data dalam produk atau aplikasi berdasarkan pernyataan yang ditentukan oleh pemilik data;
- ii. Menyediakan pautan kepada Terma Penggunaan ini; dan
- iii. Sekiranya pemilik data tidak menyediakan pernyataan pemilik harta intelek data, pengguna hendaklah menggunakan pernyataan seperti berikut:
"Data dan maklumat tertakluk di bawah Terma Penggunaan Data Terbuka Kerajaan Malaysia 1.0"

4. PENGECUALIAN

Terma Penggunaan ini tidak memperuntukkan sebarang hak terhadap:-

- i. Data peribadi;
- ii. Nama, jata, logo atau sebarang symbol rasmi pemilik data;
- iii. Logo organisasi sektor awam atau jabatan;
- iv. Lambang diraja dan lambing tentera;
- v. Hak pihak ketiga yang mana pemilik data tidak kuasa terhadapnya;
- vi. Sebarang harta intelek termasuk paten, tanda dagangan dan hak reka bentuk; dan
- vii. Dokumen identity seperti Passport Malaysia, MyKad.

5. TIADA JAMINAN

- i. Data adalah dalam bentuk seperti yang disediakan oleh pemilik data. Pemilik data dikecualikan daripada sebarang representasi, waranti, obligasi dan liability berhubung data; dan
- ii. Pemilik data tidak bertanggungjawab terhadap sebarang ralat dan kehilangan data. Pemilik data juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang jenis kehilangan, kecederaan atau kerosakan kesan daripada penggunaan data tersebut. Pemilik data tidak memberikan jaminan data disediakan secara berterusan.

6. UNDANG-UNDANG

Terma penggunaan ini ditadbir oleh undang-undang di bawah bidang kuasa dan pemilik data ialah pemilik utama bagi data tersebut.